

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HST 422 Isu-Isu Dalam Sejarah Awal Asia Tenggara

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM SATU [1] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja.

1. Bincangkan secara kritis teori-teori mengenai perpindahan-perpindahan penduduk dan golongan-golongan etnik di Asia Tenggara, termasuk teori-teori yang terdapat dalam buku-buku D.G.E. Hall dan Coedes, teori baru oleh Wan Hashim, dan teori berasaskan kajibahasa oleh Bellwood.
2. Sejauhmanakah anda berpendapat bahawa pembahagian-pembahagian Asia Tenggara oleh Benda dalam artikelnya "The Structure of Southeast Asia History" adalah memuaskan ataupun tidak lengkap?
3. Apakah bukti-bukti yang menjelaskan bahawa 'Indianisasi' adalah akibat kegiatan orang Asia Tenggara, bukan orang India?
4. Terangkan tahap-tahap utama sejarah Java kuno, dengan menyatakan sebab-sebab peralihan dari satu tahap ke tahap yang kemudian.
5. Bincangkan peranan pelayaran dan perdagangan dalam perkembangan Asia Tenggara pada masa 500-1500 masehi.
6. Jelaskan pengaruh China dalam sejarah dan pensejarahan Asia Tenggara kuno.
7. Bincangkan persamaan dan perbezaan sejarah Angkor dan Pagan.
8. Gariskan tahap-tahap sejarah kawasan yang sekarang bernama "Thailand", dari zaman bukti-bukti sejarah yang terawal sehingga kira-kira 1500 masehi, dengan menyatakan perbezaan antara sejarah kawasan itu daripada sejarah orang Thai.